

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN  
KIBAR JALUR GEMILANG 2020 PERINGKAT  
NEGERI SEMBILAN**

**PADA : 28 JULAI 2020 (SELASA)  
MASA : 08.50 PAGI  
TEMPAT : DEWAN MBS, SEREMBAN**

**BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat,  
Sejahtera.**

**Terima Kasih pengerusi majlis,**

**YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus**

**YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Ahli-ahli Yang Berhormat**

**Pegawai-pegawai Kanan Persekutuan dan  
Negeri**

**Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,**

**Tuan-tuan, Puan-puan dan Hadirin-hadirat  
sekalian.**

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya, Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 Peringkat Negeri Sembilan di Dewan Majlis Bandaraya Seremban ini, dapat dilangsungkan dengan jayanya pada pagi yang berbahagia ini.

2. Saya mewakili pimpinan Kerajaan Negeri Sembilan ingin mengambil kesempatan, untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua jawatankuasa kerja yang terlibat dalam

menjayakan majlis ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir pada pagi ini.

3. Walaupun kita masih berperang dengan pandemik COVID-19 dan berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), syukur kita masih dapat berkumpul tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan keturunan. Berkumpul dalam suasana aman dan harmoni bagi meraikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Negeri Sembilan pada tahun ini.

Hadirin Sekalian,

4. Sesungguhnya, inilah kebiasaan baharu yang kita amalkan dalam menjalankan setiap aktiviti di peringkat negeri. Kita harus mengikut segala Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan. Maka, berbanggalah kita yang dijemput kerana semua sambutan bulan kemerdekaan akan diadakan dengan kehadiran tetamu yang dihadkan.
  
5. Pada tahun ini, terdapat sedikit kelainan serta pendekatan sambutan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang

memandangkan kita masih berada dalam fasa PKPP. Jika sebelum ini ada konvoi kibar Jalur Gemilang dan orang ramai dijemput untuk bersama-sama memeriahkannya, namun pada tahun ini semua itu tidak dapat diadakan.

6. Sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini akan digarap pelaksanaannya secara fizikal dan digital. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Sembilan turut mengambil pendekatan mengadakan majlis secara sederhana tetapi mampu menggelorakan semangat cintakan negara dan patriotisme dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

7. Semasa membentangkan Belanjawan Negeri 2020, saya pernah mengingatkan agar pengurusan sumber hasil negeri dan penyampaian perkhidmatan rakyat perlu diuruskan oleh tenaga manusia yang berpengetahuan, berkompentensi dan berintegriti tinggi. Penggunaan aplikasi digital, data raya (big data), cloud, internet pelbagai benda atau Internet of Things (IOT) dan artificial intelligence (AI) perlu diperkukuhkan dalam pengurusan hasil negeri seiring dengan Revolusi Industri (IR) 4.0.

8. Menginjakkan kaki ke tahun 2020, ternyata penggunaan aplikasi yang kita fikirkan sebelum ini benar-benar bermakna memandangkan persekitaran luaran semasa yang mencabar dan pendekatan perniagaan seperti biasa tidak dapat dipraktikkan.
  
9. Seperti yang kita maklum, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), perluasan rangkaian jalur lebar bagi capaian internet berkelajuan tinggi kini semakin bertambah baik.



10. Statistik terkini berkaitan liputan rangkaian (3G dan 4G) di kawasan berpenduduk di Negeri Sembilan sehingga suku pertama 2020 merekodkan, sebanyak 97.92 peratus kawasan mendapat rangkaian 3G dan 89.96 peratus kawasan mendapat rangkaian 4G. Bagi menambah baik kualiti perkhidmatan komunikasi di seluruh Negeri Sembilan, pelaksanaan inisiatif ini memerlukan kerjasama semua pihak bagi memastikan pendekatan teknologi ini berjalan lancar dan mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan.

11. Dalam hal ini, pembinaan infrastruktur digital memerlukan kerjasama yang sangat baik daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi Persekutuan dan Negeri, terutamanya dari segi perancangan, kelulusan, hak laluan (Right-of-Way atau RoW).

12. Usaha ini penting untuk menyelesaikan cabaran-cabaran bagi mewujudkan infrastruktur digital terutamanya jika Kerajaan Negeri menganjurkan program-program besar sebegini agar setiap rakyat di Negeri Sembilan

sama-sama mendapat mesej yang ingin disampaikan.

13. Sempena pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang hari ini, ingin saya ingatkan, masih ada segelintir dalam kalangan kita yang tidak merasa segan mengibarkan bendera lusuh dan koyak atau meletakkan Jalur Gemilang di tempat yang tidak sepatutnya. Saya percaya rakyat di Negeri Sembilan yang teguh bersama Adat Perpatih ini mempunyai semangat patriotisme tinggi yang melambangkan semangat sebenar Malaysia Prihatin.

14. Justeru, marilah kita bertekad untuk menerap mentaliti dan sikap masyarakat supaya memandang tinggi dan menghormati Jalur Gemilang sebagai lambang identiti negara yang yang gah di mimbar merdeka ini.

15. Janganlah kita mengambil mudah perihal menjaga martabat identiti dan imej negara. Bukan itu sahaja, sama-samalah kita memelihara perpaduan. Didiklah anak-anak kita akan kepentingannya supaya semangat patriotisme kita kekal diwarisi

daripada generasi yang terdahulu diteruskan oleh generasi yang akan datang.

Hadirin yang budiman,

16. Saya juga ingin menyeru agar pemimpin dan rakyat di negeri ini saling bergandeng bahu memastikan semangat patriotisme terus dipelihara agar negara kekal harmoni dan aman makmur. Melalui semangat patriotisme inilah membolehkan kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan dengan teratur.

17. Di samping itu, ini akan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat melalui kestabilan politik, merencanakan ekonomi dan mengukuhkan hubungan sosial.

18. Dengan itu, Negeri Sembilan akan kekal membangun dan mampan bersama kelestarian produk dan pelan tindakan yang telah kita rangkakan untuk rakyat secara holistik. Saya juga ingin memaklumkan sempena sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini di Negeri Sembilan, beberapa pengisian program telah dirancang sepanjang bulan kebangsaan yang akan

diterajui oleh Jabatan Penerangan Negeri Sembilan melalui tiga (3) pendekatan iaitu Merdeka Moment, Merdeka Community Bonding dan Info On Wheels Merdeka. Saya percaya aktiviti seperti Info On Wheels Merdeka (IOW Merdeka), Merdeka@Komuniti, Pertandingan Pidato Kenegaraan, Sayembara Puisi Merdeka, Pertandingan Pengisahan Kenegaraan, Pertandingan Fotografi KLIK@Merdeka dan pelbagai lagi akan mendandan semangat patriotisme dan menyanggul rasa cintakan negara selain memberi peluang penyertaan

kepada setiap lapisan masyarakat.

Para hadirin sekalian,

19. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dengan kesudian semua yang sudi hadir pada pagi ini. Juga sekali lagi syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus memastikan penganjuran majlis ini yang dapat dilaksana dengan teratur dan berjaya serta mencapai matlamat yang dirancang.



20. Semoga Hari Kemerdekaan yang bertemakan Malaysia Prihatin pada tahun ini membawa perpaduan, kebebasan, kedamaian dan kesejahteraan kepada rakyat negara ini secara umum dan rakyat di Negeri Sembilan khasnya serta mencipta lebih banyak kejayaan dan mengecapi masa depan yang lebih cemerlang dan gemilang buat generasi hari ini dan masa hadapan.

21. Oleh itu, sempena Bulan Kebangsaan ini, marilah kita sama-sama pertingkatkan semangat cintakan Negara kita dengan terus mengibarkan Jalur Gemilang di tempat kerja dan premis masing-masing.

22. Dengan ini, saya merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 Peringkat Negeri Sembilan. Marilah kita sama-sama berdoa, agar Negeri Sembilan terus makmur, aman dan sejahtera.

23. Semoga segala usaha dan kerja kita diredhai dan diterima Allah sebagai bukti pengabdian.

24. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz  
Wabillahi Taufiq Wal Hidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

**Salam Negeri Sembilan Bersih,  
Muafakat, Sejahtera.**